

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[BASIC CONCEPTS AND PRINCIPLES OF  
MANUFACTURING ACCORDING TO ISLAM]**

**KONSEP ASAS DAN PRINSIP PEMBUATAN  
MENURUT ISLAM**

SAIFUL BAHRI MOHAMED<sup>1</sup>  
ABDUL HAKIM ABDULLAH<sup>1\*</sup>  
HURUN AIN AB. RAHMAN<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Kontemporari Pengajian Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

\*Corresponding author: hakimabd@unisza.edu.my

Received Date: 9 Januari 2018 • Accepted Date: 9 Mei 2018

**Abstract**

*Malaysia has been practising manufacturing practices brought by the West and East which aim purely for materialism. This phenomenon causes a variety of problems in the manufacturing sector in this country, such as the erosion of the humanity, environmental pollution and exploitation of human labor. Manufacturing practices that are not based on the Islamic concept lead to many things that neither conform to sharia compliance nor suitable to the needs of the Muslim society. This study has two objectives. Firstly, to identify the principles of manufacturing from Islamic point of view. Secondly, to formulate a definition of Islam manufacturing as a fundamental procedure that can be used as a basis of manufacturing practices that abide to sharia, taharah, barakah and can eliminate shubhah. This qualitative study uses document analysis as its instrument. It involves inductive and comparative analysis of data generated from Quran, hadith and Islamic scholars' writing. This study found that there are 4 fundamentals of Islam manufacturing: tauhid, man as khalifah, akhlak and quality of product. Meanwhile the principles of Islam manufacturing are associated with owners, capitalization, staff, premises, equipment, materials, work processes, and product documentation. The study concluded that Islamic manufacturing is a balanced and integrated process of transforming the source of material which is syariah compliant, taharah and barakah towards the elimination of shubhah for the welfare of the community in this world and hereafter.*

Keywords: *Islamic manufacturing, syariah compliance, taharah, barakah, shubhah.*

**Abstrak**

Negara Malaysia telah di sebatikan dengan amalan pembuatan yang dibawa oleh barat dan timur yang bermatlamatkan kebendaan semata-mata. Fenomena ini mengundang pelbagai masalah dalam sektor pembuatan di negara ini seperti materialisme, hakisan nilai kemanusiaan, pencemaran alam sekitar, pembaziran dan eksploitasi tenaga manusia. Amalan pembuatan yang tidak dikawal dengan konsep Islam menyebabkan banyak perkara yang terlibat dalam proses pembuatan tidak

menepati kepatuhan syariah serta tidak bersesuaian dengan keperluan masyarakat Islam. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti prinsip-prinsip pembuatan dari pandangan Islam dan merumuskan satu definisi pembuatan Islam sebagai satu usaha untuk mengasaskan teori pembuatan Islam yang boleh dijadikan dasar kepada amalan pembuatan Islam yang menepati kepatuhan syariah, taharah, barakah dan boleh menghapuskan shubhah. Kajian kualitatif ini menggunakan analisis dokumen sebagai instrumen kajian. Ia melibatkan analisis data secara induktif dan komparatif terhadap sumber-sumber muktabar Islam iaitu al-Quran, hadith dan penulisan para sarjana Islam. Kajian ini mendapati asas-asas pembuatan Islam meliputi tauhid, manusia sebagai khalifah, akhlak dan produk yang berkualiti. Sementara itu, prinsip-prinsip pembuatan Islam merangkumi komponen-komponen yang melibatkan pemilik perusahaan, permodalan, pekerja, premis, peralatan, bahan, proses kerja, pendokumentasian dan produk. Berasaskan pandangan Islam tentang asas pembuatan serta prinsip-prinsip pembuatan Islam yang diterokai, maka kajian ini merumuskan pembuatan Islam ialah satu proses yang bersepadu dan seimbang dalam mentransformasikan sumber bahan yang menepati kepatuhan syariah (syariah compliance), taharah dan barakah ke arah penghapusan shubhah demi kesejahteraan ummah di dunia dan akhirat.

**Kata kunci:** Pembuatan Islam, kepatuhan syariah, taharah, barakah dan shubhah.

**Cite as:** Saiful Bahri Mohamed, Abdul Hakim Abdullah & Hurun Ain Ab. Rahman. 2018. Konsep Asas dan Prinsip Pembuatan Menurut Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 17(1): 45-60

## PENGENALAN

Pembuatan merupakan satu bidang yang amat penting dalam kehidupan manusia pada hari ini. Selain daripada menyempurnakan keperluan manusia menerusi produk-produknya dalam pelbagai sektor, ia juga merupakan pemangkin kepada kelestarian pembangunan ekonomi dan tamadun sesebuah bangsa. Kemajuan bidang pembuatan menjadi semakin terserlah dengan kehadiran era digital, teknologi dan persaingan bakat (war of talents) sehinggakan banyak industri pembuatan berlumba-lumba menghasilkan produk bernilai tambah tinggi (high value added product) dan memungkinkan komoditi yang dihasilkan pada waktu pagi berjaya menjadi inovasi pada tengaharinya. Banyak karya ilmiah telah dihasilkan oleh para sarjana pembuatan yang secara langsung memperlihatkan kemajuan berterusan dalam bidang kajian komponen-komponen penting ilmu pembuatan seperti Manufacturing Business, Manufacturing Engineering and Technology, Manufacturing Tool, Manufacturing Process, Manufacturing Strategy, Manufacturing Management, Lean Manufacturing dan banyak lagi.

Tidak dinafikan bahawa kajian Barat dan Timur tentang ilmu pembuatan telah menyumbang jasa yang besar dalam perkembangan sektor ini. Walau bagaimanapun, terdapat satu keperluan yang ketara untuk diterokai konsep dan prinsip-prinsip pembuatan menurut kaca mata Islam. Ini adalah kerana masyarakat Islam mempunyai cara hidup yang telah ditetapkan oleh syariah (Islamic jurisprudence) yang perlu dipatuhi serta menepati konsep maqasid syariah demi memelihara kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Syariah Islam turut mementingkan juga taharah dan barakah yang dianggap sebagai dua perkara yang boleh menjamin kualiti kehidupan orang-orang Islam. Oleh yang demikian, satu usaha yang mantap, komprehensif dan

sistematik perlu dilakukan oleh para sarjana Muslim demi melahirkan teori pembuatan Islam yang menepat kepatuhan syariah (maqasid syariah), taharah dan barakah ke arah penghapusan shubhah dalam proses pembuatan dari langkah pertama sehinggalah ke langkah terakhirnya. Usaha ini amat penting dan relevan dengan populasi pengguna Muslim yang kini berjumlah 1.83 billion di mana 1.5 billion daripada mereka menetap di Asia, Afrika dan Timur Tengah manakala 300 juta lagi menetap di Eropah dan Amerika Syarikat pada tahun 2009 (Jumaatun Azmi, 2009). Justeru, tidak hairanlah pada hari ini pengusaha di seluruh dunia mula sedar akan kelebihan mendapatkan sijil halal dan meletakkan logo halal pada produk mereka (Ahmad Hidayat Buang & Zulzaidi Mahmud, 2012).

Kerajaan Malaysia telah memberikan penekanan terhadap penghasilan perkhidmatan dan produk halal dalam kalangan pengusaha tempatan untuk mencari peluang di pasaran antarabangsa dalam bidang-bidang makanan, agrikultur, farmasi, produk kesihatan, kosmetik, fabrik dan sebagainya di samping menunaikan tanggungjawab sebagai umat Islam Dalam Rancangan Malaysia ke-10, sebanyak RM 27.5 juta telah diperuntukkan untuk membina Institut Halal Hub di Bandar Enstek (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011). Beberapa Halal Hub di Malaysia termasuklah Halal Park di Pelabuhan Klang, Halal Hub Selangor, Halal Hub Pedas, Dataran Makanan Halal di Serkam dan Halal Hub Tanjung Manis, Sarawak (Buang & Mahmud, 2012). Menyedari tentang kelebihan industri pembuatan berteraskan Islam ini, pada tahun 2000 Malaysia muncul sebagai negara pertama yang memajukan standard halal yang komprehensif. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diberi tugas untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan bagi industri halal termasuklah urusan-urusan pensijilan, penetapan standard, latihan dan penyelidikan. JAKIM telah mengadakan kerjasama pintar dengan pelbagai agensi seperti Kementerian Kesihatan, Halal Industry Development Corporation, Kementerian perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan Veterinar, Jabatan Pertanian, universiti-universiti, para usahawan dan sebagainya (Bahagian Hub Halal, 2014). Sehingga 2015, JAKIM telah mengiktiraf 73 badan pengeluar sijil halal dari 33 negara (Farah Mohd Shahwahid, et al., 2015).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Gejala globalisasi kebanyakannya adalah penyebaran dan penyerapan unsur-unsur dominasi tamadun barat tanpa banyak kawalan dan tapisan oleh masyarakat tempatan. Ia telah mengangkat kedudukan barat dan melemahkan lagi masyarakat tempatan (Musa, 2004). Bakar (2009) menyatakan bahawa globalisasi telah membawa perubahan yang sangat besar dalam enam dimensi utama kehidupan manusia iaitu ekonomi, politik, agama dan budaya, sains, teknologi dan demografi. Walaupun ada kebaikan-kebaikan, namun terdapat pelbagai kesan negatif globalisasi yang telah menjejaskan kehidupan masyarakat pada hari ini. Daripada perubahan ini juga menyebabkan masyarakat Islam berdepan dengan dilema dan kecelaruan budaya, mempengaruhi pemikiran mereka dalam situasi untuk mempertahankan tradisi atau melakukan perubahan modenisasi. Ini lah di antara cabaran yang berlaku di dalam dunia hari ini samada ia sebagai ancaman atau ia sebagai ujian, bergantung bagaimana cara melihat dan menghadapi suasana baru ini (Mohd Roslan Mohd Nor, 2011).

Setelah kejatuhan tamadun Islam, dominasi terhadap aplikasi dan segala pengembangan ilmu berpindah ke tangan barat (Muammar, 2009). Akibat daripada pendekatan sekular yang

memisahkan urusan duniawi dengan ukhrawi maka timbul beberapa ketidakseimbangan dalam sektor pembuatan. Fenomena ini telah mengundang beberapa masalah dalam aplikasi dan pengembangan sektor pembuatan seperti materialism (Fuadi, 2015), rasuah (Mohd. Adnan, 2013), riba (Rahman, 2008), hakisan nilai kemanusiaan (Rohani Abdul Rahim, 2008), pencemaran (Jaafar & Salleh, 2016), pembaziran (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2013) dan eksploitasi tenaga buruh. Fenomena ini, seiring dengan proses pemodenan dan perindustrian akibat kebangkitan kapitalisme mulai zaman pencerahan pada abad ke-17. Didapati bahawa semakin meningkatnya proses pemodenan dan perindustrian melalui revolusi industri dan revolusi sains, maka semakin banyak pula gejala krisis etika dan moral yang timbul dan merebak ke negara-negara maju (Azlina Abdullah, 2010). Menurut Stoner (1995) gejala krisis etika atau moral menular dan menjadi beberapa tajuk utama akhbar pada era 80-an di negara-negara seperti Italy, Jepun dan Amerika Syarikat akibat rasuah yang menjejaskan reputasi kebanyakan organisasi di negara-negara tersebut.

Malaysia juga tidak terkecuali dalam fenomena ini apabila terdapat laporan-laporan kes-kes yang berkaitan seperti rasuah (Mohamad, 2016), penyalahgunaan logo halal (Mahmod, 2011), ketidakakuran kualiti, penipuan bahan atau kandungan yang digunakan dalam sesuatu produk di samping pengurusan premis yang tidak mematuhi piawai halal (Azhar et. al., 2013). Bahkan banyak lagi kejadian atau kes salah laku berhubung dengan sektor pembuatan yang tidak mematuhi spesifikasi pembuatan, undang-undang agama mahupun undang-undang negara. Banyak ulama Islam berpendapat fenomena ini merupakan satu dilema umat Islam yang berlaku disebabkan oleh 3 perkara berikut iaitu kekeliruan tentang konsep ilmu, tiadanya adab dalam masyarakat dan pemimpin yang tidak menghayati aspek kerohanian dan kemasyarakatan (Hassan, 1992).

Manan (1987) menegaskan bahawa kemajuan yang dilihat dari sudut kebendaan atau wang semata-mata boleh mendatangkan pelbagai masalah etika. Ia boleh melahirkan gelagat pengusaha yang mementingkan diri sendiri, rakus, tamak haloba dan sebagainya yang akan memberi implikasi buruk kepada masyarakat. Ia juga boleh menjejaskan proses pembentukan sahsiah jasmani dan rohani manusia dari penggunaan produk yang dikatakan halal yang berpunca daripada sikap manusia itu sendiri (Siti Zanariah Yusoff et. al., 2014).

Daripada permasalahan yang ditimbulkan oleh para pengkaji, kajian ini melihat bahawa satu penyelidikan yang teliti dan sistematik perlu dilakukan terhadap konsep, prinsip dan amalan yang berteraskan Islam supaya sektor pembuatan negara dapat mempraktikkan amalan pembuatan yang benar-benar menepati keperluan umat Islam, menepati kepatuhan syariah (maqasid shari'ah), taharah dan barakah. Beberapa usaha telah pun dilakukan bagi merealisasikan amalan yang berteraskan kepatuhan syariah seperti hotel patuh syariah (Mansor, 2016), pelancongan halal (Abdullah, 2014) dan sebagainya. Perlaksanaannya diselaraskan dan dikawal oleh beberapa badan seperti Bahagian Halal JAKIM, Halal Industry Development Corporation dan sebagainya. Usaha tersebut telah menarik minat pengusaha bukan Islam untuk menceburi industri halal memandangkan potensinya yang baik. Senario ini memberikan satu petunjuk bahawa sektor pembuatan halal negara memerlukan konsep dan prinsip-prinsip pembuatan halal yang jelas dan komprehensif. Ia bagi memastikan pengusaha-pengusaha dapat menghasilkan produk halal yang benar-benar memenuhi kepatuhan syariah, taharah, barakah serta dapat menghindari shubhah. Produk yang dihasilkan menerusi amalan pembuatan Islam diharap dapat memberi kesan jangka pendek dan jangka panjang yang positif kepada

masyarakat menerusi kualiti outputnya. Kajian ini juga diharap dapat memberi satu alternatif baharu dari aspek pendekatan dan strategi amalan sektor pembuatan di samping pendekatan dan amalan sedia ada.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mempunyai dua objektif utamanya iaitu:

- i. Mengetahui pasti asas-asas pembuatan menurut pandangan Islam.
- ii. Mengetahui pasti prinsip-prinsip pembuatan menurut pandangan Islam.
- iii. merumuskan satu definisi pembuatan menurut pandangan Islam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah kualitatif. Bagi mencapai objektif-objektif yang disasarkan, kajian ini menggunakan analisis kandungan sebagai instrumen kajian. Dokumen-dokumen yang terlibat dalam mengenal pasti prinsip-prinsip pembuatan Islam serta merumuskan satu definisi pembuatan Islam ialah al-Quran, hadith dan penulisan para sarjana Islam. Ketiga-tiga dokumen ini merupakan sumber muktabar (authentic) yang diperakukan untuk mewakili pandangan Islam. Analisis data dijalankan secara induktif dan komparatif bagi menjayakan usaha murni ini untuk mengasaskan teori pembuatan Islam yang boleh dijadikan dasar kepada amalan pembuatan Islam yang menepati kepatuhan syariah, taharah, barakah dan boleh menghapuskan shubhah.

## **KONSEP PEMBUATAN DARI PERSPEKTIF KONVENSIONAL**

Dari sudut bahasa, pembuatan dalam bahasa Arab ialah *sina'ah* (Mohd. Azani Ghazali & Abdul Aziz Hassan, 2007). Perkataan pembuatan dalam bahasa Inggeris pula ialah 'manufacture' (Kamus Oxford, 2006). Perkataan 'manufacture' berasal daripada bahasa Latin, iaitu (*manus*) yang bererti tangan dan (*facture*) yang bererti buat. Dua patah perkataan ini apabila digabungkan ia menjadi satu maksud iaitu dibuat dengan menggunakan tangan. Dari segi istilah, terdapat beberapa takrifan yang telah diberikan oleh para sarjana pembuatan konvensional. Katsundo (1996) mendefinisikan pembuatan sebagai suatu siri hubungan aktiviti dan pengoperasian yang melibatkan reka bentuk, pemilihan bahan, merancang, pembelian, proses pengeluaran, jaminan kualiti, pengurusan, pembelian, inventori, pemasaran dan penghantaran. Manakala Groover (2009) pula, pembuatan (*manufacturing*) ialah satu proses untuk menghasilkan sesuatu produk serta memberi nilai tambah kepada produk tersebut. Dalam keterangannya, Groover (2009) mengolah definisi kepada dua dimensi, secara teknikal dan secara ekonomi. Secara teknikalnya, pembuatan bermaksud mengaplikasikan pemrosesan secara fizikal dan kimia terhadap bahan mentah serta formulasi yang membawa kepada perubahan bentuk dan sifat untuk menghasilkan barangan, manakala pembuatan secara ekonominya bermaksud suatu aktiviti yang dilakukan oleh setiap perusahaan untuk menciptakan suatu barang kegunaan masyarakat sehingga dapat mencapai nilai tambah (*value added*). Daripada keterangan definisi dari segi bahasa dan istilah di atas, dapat dirumuskan

bahawa pembuatan pada pandangan konvensional berkaitan dengan satu proses yang berperingkat bagi menghasilkan suatu produk bagi kegunaan masyarakat.

Dalam konteks pembuatan kontemporari, ahli pemikiran barat percaya bahawa perkembangan ilmu dan amalan-amalan pembuatan banyak dipengaruhi oleh kemajuan saintifik dan sistem pengurusan kualiti menyeluruh (Muhammad Bakir Yaakub & Khadijah Othman, 2009). Ia bergerak secara dinamik seiring dengan dinamika pemikiran dan teknologi dalam usaha mencari kekayaan material dan kesejahteraan hidup (Hussin, 2014). Penerokaan terhadap ilmu pembuatan telah menghasilkan banyak model pembuatan seperti Lean House (Wilson, 2010), Shingo Prize (Gerhard, 2012), Model Continuous Improvement Process (Gerhard, 2012) dan Growth Management System (Greg, 2006). Konsep pembuatan dari persektif kontemporari adalah bersifat sekular kerana wujudnya corak kebudayaan dan pemikiran pembuatan rasional yang mana ia bergantung kepada kemampuan akal semata-mata. Ia merupakan aliran pemikiran Barat semasa kemuncak zaman saintisme dan materialisme pada abad ke-19 dan ke-20. Pendekatan akal digunakan seoptimum yang mungkin bagi mencapai objektif di dalam sesuatu urusan pekerjaan dalam sektor pembuatan supaya sesuatu perkara itu dibuat dengan lebih tepat dan lancar (Mokhtar, 2006). Prinsip-prinsip sekularisme meletakkan kebendaan sebagai pembangunan hidup, manakala sains sebagai panduan hidup manusia dan menganggap apa sahaja yang baik itu adalah baik untuk dilakukan sama ada wujud kebaikan atau tidak. Atas dasar ini, ia bergantung dengan cara amalan, pengalaman, teori dan eksperimen secara mendalam sehingga menemukan kesan-kesan yang positif dan bermanfaat. Maka, ia mewujudkan falsafah dan amalan yang berdasarkan kepada pengamatan logik yang lebih mementingkan kesan-kesan empirikal daripada teori dan sebagainya (O'Connor, 1985).

## **KONSEP PEMBUATAN DARI PANDANGAN ISLAM**

Pembuatan adalah satu tuntutan ibadah fardu kifayah dalam Islam. Ia dikira satu ibadat memandangkan ia memberi sumbangan yang besar dalam menyempurnakan pelaksanaan ibadah fardu ain (Rosly, 1986). Menurut Misri (1993) pembuatan Islam merupakan ilmu yang mengkaji kegiatan manusia yang selaras dengan kehendak syariat yang mengambil kira dari segi memperoleh, memproses atau mengurus sumber asli atau bukan asli untuk kebaikan diri dan masyarakat secara rohani dan jasmani bagi mendapatkan keredahan Allah SWT. Manakala Khan (1994) pula menyifatkan pembuatan adalah satu usaha mengurus sumber bumi berasaskan kerjasama dan penyertaan. Kahf (2003) menyatakan bahawa pembuatan ialah usaha manusia untuk membaiki bukan sahaja kedudukan kebendaannya, tetapi juga untuk meningkatkan kedudukan akhlaknya sebagai asas pencapaian matlamatnya iaitu kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan ayat yang terdapat di dalam al-Quran. Antaranya Allah s.w.t berfirman dalam al-Quran yang bermaksud: "Timbangan pada hari itu ialah kebenaran (keadilan), maka barang siapa berat timbangan kebaikannya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung (Surah al-A'raf: 8)."

Manan (1987) dan Abdurrahman (1995) menekankan pentingnya motif kesejahteraan orang lain dalam sektor pembuatan. Abdurrahman (1995) menegaskan bahawa pembuatan atau pengeluaran merupakan kunci terpenting dalam gagasan kegiatan ekonomi dalam menjaga kemaslahatan individu (self interest), dan masyarakat (social interest) secara berimbang. Pengukuran penting dalam proses pengeluaran ialah nilai manfaat (utility) yang diambil dari

hasil pengeluaran tersebut. Pembuatan harus mengacu pada nilai manfaat (value utility) dan masih dalam lingkungan nilai halal serta tidak membahayakan bagi diri sendiri atau orang lain dan kelompok tertentu. Secara umumnya tujuan pembuatan adalah untuk memenuhi keperluan semua individu dan menjamin standard hidup manusia, sesuai dengan martabat manusia sebagai khalifah.

Pembuatan Islam bukan semata-mata berasaskan kehendak yang tidak terbatas tetapi lebih kepada keperluan sebenar berasaskan masalah. Selain memenuhi keperluan, tujuan asas adalah untuk mengimarahkan bumi Allah s.w.t. supaya segala bentuk pembuatan yang dibuat dalam keadaan aman dan sejahtera. Selaras dengan itu, pembangunan intelek sangat disarankan dalam Islam bagi manusia mengkaji, meneliti dan memahami sesuatu perlulah dimanfaatkan untuk membina tamadun manusia sendiri. Pembangunan intelek yang sihat di dalam pembuatan adalah apabila manusia dapat melihat tujuan sebenar diri manusia dan alam diciptakan. Persoalan ini adalah satu penghayatan yang besar kepada manusia. Oleh itu, pembuatan Islam yang melibatkan dalam apa jua perkara yang dilakukan berpaksikan kepada kebenaran supaya tidak bercanggah dengan asas atau kaedah yang ditetapkan oleh syariat, manakala sebarang aktiviti pembuatan yang bercanggah dengan asas atau kaedah tersebut akan ditolak dan terbatal di sisi Islam (Nordin, 1992; Abidin, 2003). Firman Allah s.w.t. dalam al-Quran yang bermaksud: “Dan kepada Allah jualah tertentunya urusan memberi panduan yang menerangkan jalan yang lurus; dan di antara jalan-jalan yang dituju ada yang terpesong dari kebenaran dan jika Ia kehendaki, tentulah Ia memberi petunjuk kepada kamu semua (yang menyampaikan ke jalan yang lurus itu (Surah al-Nahl: 9).”

Al-Quran ada menceritakan bahawa sebahagian Nabi ada yang berkecimpung dalam sektor pembuatan seperti Nabi Ibrahim a.s. serta anaknya Nabi Ismail a.s. dalam pembuatan Baitullah (Surah al-Imran: 96), Nabi Nuh a.s. dalam pembuatan kapal (Surah Hud: 37, Surah al-Mu'minun:27, Surah al-Syu'ara': 119), Nabi Daud dalam pembuatan baju besi (Surah al-Anbia': 80), Nabi Zakaria a.s. dalam pembuatan berasaskan kayu (Sahih Muslim: no 2374). Pembuatan yang diceburi oleh para nabi ini adalah untuk berdakwah kepada kepada kaum mereka dan berasaskan akidah, syarak dan akhlak yang tinggi serta mengandungi nilai-nilai pengajaran dan pembelajaran yang boleh diambil sebagai panduan oleh umat manusia termasuklah nilai-nilai dari sudut teknikal dan ekonomi.

## DAPATAN KAJIAN

### a. Asas-Asas Pembuatan Menurut Islam

Beberapa asas utama dalam sektor pembuatan menurut pandangan Islam ialah:

- i. Tauhid: Pembuatan Islam perlu bertunjangan akidah dengan mempercayai serta menyakini dengan teguh bahawa Allah s.w.t. sahaja Tuhan Maha Esa dan Maha Berkuasa ke atas setiap sesuatu. Asas ini meletakkan Allah s.w.t. di tempat teratas dalam segala urusan yang dilakukan. Justeru, segala amalan pembuatan, mestilah mematuhi perintah Allah s.w.t. Yang Maha Mengetahui apa yang baik dan apa yang buruk kepada semua makhluk-Nya. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan

merekalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk (Surah al-An'am:82).”

Konsep tauhid ini adalah satu konsep penegasan kepercayaan serta penyucian tindakan dan pemikiran daripada sebarang pergantungan kepada sesuatu selain daripada Allah s.w.t.. Falsafah pembuatan Islam yang berasaskan penekanan tauhid baik Uluhiyyah mahupun Rububiyah menjelaskan bahawa Allah s.w.t. merupakan satu-satunya Tuhan yang disembah dan Dia juga satu-satunya Rabb iaitu Tuhan bagi sekalian alam. Ketertiban dan keteraturan perjalanan alam ini merupakan jelmaan daripada gaya pengurusan-Nya yang bersifat Maha Pengasih (al-Rahman) dan Maha Penyayang (al-Rahim). Sengaja diwujudkan sifat kesalingan di antara sesama makhluk sebagai satu bentuk pengurusan kasih sayang yang diterapkan melalui keharmonian alam. Asas tauhid ini merupakan paksi utama atau tonggak terpenting bagi umat Islam membuktikan keikhlasan, keyakinan, keimanan dan ketaatan kepada Tuhan Yang Maha Esa (Hasan al-Banna Mohamed et. al., 2011). Menurut Shahrhom (1997), asas tauhid dapat memberi ukuran yang universal dan menyediakan takrif dengan tepat tentang sistem nilai yang harus diikuti oleh semua manusia.

- ii. Manusia Sebagai Khalifah: Asas kedua ialah manusia sebagai khalifah yang menggalas tanggungjawab mentadbir dan mengimarahkan bumi berdasarkan kepada panduan syarak di samping menginsafi bahawa hakikat dirinya sebagai hamba kepada Allah s.w.t.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud: “Dan Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi..."(Surah al-Baqarah: 30). Khalifah ialah kepimpinan tertinggi bagi memastikan kebajikan duniawi dan ukhrawi (Said hawa, 1989). Ahmad Yakob (2014) menyatakan bahawa khalifah itu sebagai pemerintah yang menegakkan agama Allah s.w.t. Khalifah di sini bermaksud suatu tugas memimpin dan memerintah manusia bagi menegakkan agama dan mentadbir urusan di dunia dengan perintah dan panduan yang diberikan oleh Allah s.w.t. Khalifah juga merujuk kepada fungsi manusia sebagai pentadbir dan pengurus alam semesta supaya mencapai kesejahteraan dan barakah. Manusia dibekalkan oleh Allah s.w.t dengan akal fikiran. Itulah kelebihan manusia yang nyata berbanding makhluk-makhluk ciptaan Allah s.w.t. yang lain. Orang yang berilmu mampu untuk menguruskan tanggungjawab mereka dengan teratur dan baik terutamanya dalam urusan memelihara kebajikan dari aspek agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.

- iii. Akhlak: Pembuatan Islam perlu berasaskan akhlak yang mulia bermula daripada peringkat awal sehinggalah peringkat akhirnya. Amalan pembuatan yang berasaskan akhlak akan menjamin kesejahteraan dan keharmonian dalam segenap aspek sama ada berkaitan dengan hubungan dengan Tuhan, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan dengan alam sekitar. Allah s.w.t. menjadikan Nabi Muhammad s.a.w. itu sebagai contoh kepada umat manusia. Hal ini telah pun ditegaskan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran yang bermaksud: “Sesungguhnya pada (diri) Rasulullah itu menjadi contoh yang paling baik untuk (menjadi ikutan) kamu” (Surah al-Ahzab: 21). Amalan-amalan pembuatan perlu dilaksanakan berasaskan akhlak yang mulia dengan mempraktikkan nilai-nilai seperti tanggungjawab, amanah, tolong-menolong, bekerja sebagai satu pasukan dan sebagainya di samping menghindari sebarang salah laku seperti penipuan, penzaliman, mencuri dan eksploitasi. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "...Dan hendaklah kamu saling bertolong-tolongan dalam membuat



kebijaksanaan dan taqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan dalam melakukan dosa dan permusuhan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)” (Surah al-Maidah: 2).

- iv. Produk yang Berkualiti: Kualiti yang dimaksudkan di sini ialah penghasilan produk yang baik, halal dan barakah. Umat Islam merupakan umat terbaik sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud: “Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma`ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah”(Surah Ali’Imran:110).

Justeru, umat Islam perlu sentiasa beriltizam untuk menghasilkan produktiviti yang terbaik. Dalam al-Quran banyak terdapat gesaan untuk menjadi baik seperti dalam al-Quran seperti anak yang baik (Surah ali-Imran:38), tanah yang baik (Surah al-Nisa’:43), perkara yang baik (Surah al-Maidah:100), rezeki yang baik (Surah al-A’raf:32), perkataan yang baik (Surah al-Hajj:24) dan makanan yang baik (Surah al-Mukminun:51). Asas ini memberikan tumpuan kepada penghasilan produk yang bersifat halalan tayyiban. Perkataan tayyiban bermaksud suci, halal, dan disifatkan baik (al-Razi, 1995). Al-Sabuni (1971) pula menjelaskan bahawa tayyibat ialah makanan-makanan yang baik daripada rezeki yang halal dan semua yang diharamkan oleh Allah s.w.t. adalah tayyibat. Al-Alusi pula mengambil pandangan Imam Malik mengatakan al-tayyib adalah makanan yang menurut syarak atau secara zatnya suci daripada shubhah (Dahlan, 1999). Halal dan halalan tayyiban merupakan satu konsep yang wajib dipatuhi oleh umat Islam secara menyeluruh. Ia diperkenalkan oleh Islam dalam menentukan kualiti produk pembuatan dan ia amat berbeza dengan kefahaman konvensional tentang kualiti produk yang dihasilkan.

- b. Prinsip-Prinsip Pembuatan Menurut Islam

Berdasarkan empat asas utama yang diperbincangkan sebelum ini iaitu tauhid, peranan manusia sebagai khalifah, akhlak serta hasil yang optimum dan berkualiti, kajian ini mendapati terdapat prinsip-prinsip yang jelas berkaitan dengan amalan-amalan pembuatan Islam, kesemuanya dapat dibahagikan kepada sembilan komponen. Penerangan lanjut tentang setiap prinsip adalah seperti berikut:

- i. Prinsip 1. Pemilik: Pemilik perlu memahami dan menghayati peranannya sebagai hamba dan khalifah Allah s.w.t. yang mempunyai tanggungjawab memakmurkan alam. Peranan yang diamanahkan Allah s.w.t. perlu dilaksanakan dengan penuh ikhlas, bertanggungjawab dan integriti. Perkara ini perlu diberi perhatian yang baik oleh pemilik sesuatu usaha pembuatan agar produk yang terhasil dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang dapat membawa kepada kejayaan di dunia dan akhirat. Apa yang paling penting bagi pemilik ialah memastikan kesemua langkah yang diambil dalam usaha pembuatannya bermula dari perolehan modal sehingga kepada penghantaran adalah menepati kepatuhan syariah. Pemilik itu juga perlu menjadi seorang pemimpin yang dihormati dan boleh dicontohi. Perkara-perkara ini jelas dalam firman-firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Dan tidak aku jadikan jin dan manusia kecuali untuk menyembah-Ku” (Surah al-Dhariyat: 56).

“Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi...” (Surah al-Baqarah: 30).

“Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau)

menjalankan satu syariat yang cukup lengkap dari hukum-hukum agama; maka turutlah syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui” (Surah al-Jathiyah:18).

- ii. Prinsip 2. Permodalan: Permodalan seseorang pengusaha atau sesebuah agensi yang berkecimpung dalam sektor pembuatan mestilah diperolehi daripada sumber yang halal. Ini bermakna, modal perniagaan mestilah bersih daripada unsur-unsur riba, penipuan, pencurian dan sebagainya. Firman Allah yang bermaksud:

“Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba” (Surah al-Baqarah: 275).

“Janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil” (Surah al-Baqarah: 188).

- iii. Prinsip 3. Pekerja: Pekerja adalah sebagai modal insan yang harus berperanan sebagaimana peranannya sebagai hamba dan khalifah Allah s.w.t. di dunia ini. Mereka perlu memahami dan menghayati aspek-aspek aqidah, syariah dan akhlak. Hubungan sesama Allah, sesama manusia dan dengan alam sekitar perlu dipelihara. Sebagai modal insan, mereka harus berkerja dalam sektor pembuatan ini dengan ikhlas, amanah dan bertanggungjawab serta mempraktikkan budaya kerjasama sebagai satu pasukan ke arah mencapai kejayaan duniawi dan ukhrawi. Pekerjaan yang mereka lakukan dalam sektor pembuatan ini harus difahami sebagai satu ibadah yang akan memberi ganjaran pahala yang besar di akhirat nanti. Pihak majikan perlu memberikan latihan yang berterusan kepada para pekerjanya dalam aspek-aspek kualiti keperibadian, pengetahuan dan kemahiran-kemahiran professional supaya organisasi ini dapat membentuk satu pasukan modal insan yang terbaik dan boleh dicontohi. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Kamu adalah sebaik-baik ummah yang diutuskan kepada manusia, kamu menyeru kepada ma’ruf dan mencegah daripada kemungkaran dan kamu beriman dengan Allah” (Surah Ali ‘Imran: 110).

“Allah menjadikan bagi orang-orang yang beriman antara kamu serta melaksanakan amalan-amalan yang saleh bahawa mereka akan menjadi khalifah di muka bumi sebagai mana orang-orang terdahulu telah menjadi khalifah. Juga Allah telah menetapkan din mereka yang Allah telah redha bagi mereka dan Allah akan tukarkan suasana ketakutan dengan keamanan; mereka memperhambakan diri kepada Aku (Allah) tanpa syirik sedikitpun dengan Aku. Barang siapa yang kufur selepas itu maka mereka itu sebenarnya orang-orang yang fasiq” (Surah al-Nur: 55).

“Katakanlah wahai Muhammad: Berkerjalah kamu (akan segala yang di perintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan” (Surah al-Tawbah:105).

- iv. Prinsip 4. Premis: Oleh kerana modal insan merupakan hamba dan khalifah Allah s.w.t. manakala pekerjaan yang dilakukan adalah satu ibadah, maka sudah tentu tempat kerja harus difahami juga sebagai tempat ibadah. Justeru, tempat kerja harus mempunyai kriteria seperti bersih, persekitarannya salih, mendorong kepada zikrullah dan ketaatan kepada-Nya dan tiada unsur-unsur maksiat.

Anas r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya masjid-masjid ini tidak baik untuk membuang air kecil ataupun membuat kekotoran. Sesungguhnya ia dibina adalah untuk berzikir kepada Allah dan membaca al-Quran”

(sunnah.com, vol. 18:no 185).

- v. Prinsip 5. Peralatan: Untuk menghasilkan sesuatu produk yang halal, taharah dan barakah, peralatan yang digunakan perlulah turut menepati piawaian halal, taharah dan barakah. Perkara yang perlu dipelihara ialah status pematuhan syariahnya dan sentiasa dalam keadaan suci dan tidak tercemar dengan sebarang kekotoran hakiki dan maknawi. Di samping itu, peralatan yang digunakan juga mestilah tidak membawa mudarat kepada pekerja, masyarakat dan alam sekitar.
- Abu Malik al-Ash'ari r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Kebersihan adalah sebahagian daripada iman” (sunnah.com muslim , vol.16: no 6)
- vi. Prinsip 6. Bahan: Sebagaimana peralatan, bahan yang digunakan bagi penghasilan sesuatu produk mestilah menepati piawaian halal, taharah dan barakah. Bahan yang digunakan mestilah tidak bercanggah dengan konsep pematuhan syariah. Ini bermakna, ia mestilah halal, suci dan barakah. Halal bermaksud keharusan yang bebas dari sebarang larangan dan dibenarkan untuk dilakukan oleh syarak (al-Qardhawi, 1980). Hukum halal ditetapkan menerusi tiga perkara iaitu pernyataan tiada kesalahan sekiranya dilakukan, ketiadaan nas yang mengharamkannya dan kewujudan nas yang menunjukkan keharusan (Muhammad Abu Zahrah, 2003). Bahan yang digunakan juga mestilah tidak membawa keburukan kepada pekerja, alam sekitar dan para pengguna sama ada dari aspek kesihatan hidupan alam dan kelestarian alam sekitar.
- “Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; karena sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu” (Surah al-Baqarah: 168)
- “Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) daripada apa yang dikurniakan Allah kepada kamu daripada benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukurlah akan nikmat Allah, sekiranya benar kamu hanya menyembahNya semata-mata.” (Surah al-Nahl, 16: 114)
- vii. Prinsip 7. Proses Kerja: Manusia memikul tanggungjawab kepimpinan iaitu mentadbir urusan-urusan duniawi dengan berkesan dan dapat menjamin kesejahteraan serta kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Justeru, kerja-kerja yang dilakukan mestilah diselaraskan dengan amalan-amalan terbaik (best practices), terancang dan sistematik. Proses kerja yang disusun sepatutnya dapat membentuk budaya kerja yang cemerlang berasaskan akhlak, kerja berpasukan dan mementingkan kualiti produk. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:
- “Bagi manusia ada malaikat-malaikat yang selalu mengikutinya bergiliran, di muka dan di belakangnya, mereka menjaganya atas perintah Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT tidak merobah Keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merobah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. dan apabila Allah SWT menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, Maka tak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia” (Surah al-Ra’d:11).
- viii. Prinsip 8. Pendokumentasian: Dokumentasi amat penting sebagai rekod pentadbiran. Ia merupakan dokumen rujukan yang memberi panduan kepada semua pihak sama ada pihak berwajib, pemilik, pengurusan dan para pekerja. Kadangkala, dokumen ini juga penting untuk menjadi rujukan kepada para pengguna. Sudah menjadi kewajipan kepada organisasi untuk mendokumentasikan perkara-perkara utama bagi sesebuah organisasi seperti falsafah, visi, misi, carta organisasi, dasar dan peraturan, proses kerja dan sebagainya. Pendokumentasian ini mesti memperlihatkan konsep dan prinsip

pembuatan Islam yang memberi keutamaan kepada asas-asas tauhid, peranan manusia sebagai khalifah, akhlak dan produk yang berkualiti. Di samping itu, ia juga mestilah mempromosi konsep-konsep kepatuhan syariah, taharah dan barakah ke arah pembasmian shubhah. Satu standard piawaian halal perlu dibangunkan supaya kriteria pematuhan syariah dapat diketahui dan difahami dengan jelas supaya tidak berlaku pertikaian di kemudian hari.

“Yang halal itu sudah jelas dan yang haram pun sudah jelas; dan di antara keduanya ada hal-hal yang musytabihat (syubhat, samar-samar, tidak jelas halal haramnya), kebanyakan manusia tidak mengetahui hukumnya. Barangsiapa hati-hati dari perkara syubhat, sungguh ia telah menyelamatkan agama dan harga dirinya.” (Sunnah.com, al-Tirmidhi: no. 1205)

- ix. Prinsip 9. Produk: Inilah perkara yang paling memberi kesan dan dinilai oleh pengguna atau masyarakat. Pengiktirafan orang ramai terhadap sesebuah organisasi bergantung kepada penerimaan mereka terhadap produk yang dihasilkan. Semakin tinggi tahap pengiktirafan orang ramai terhadap sesuatu produk, maka semakin tinggilah perakuan yang diberikan oleh mereka terhadap agensi pengeluar produk berkenaan.

Dalam pembuatan Islam, sesuatu produk dianggap berkualiti tinggi apabila ia menepati kepatuhan syariah, taharah dan barakah atau dengan istilah lain halalan tayyiban. Produk yang dihasilkan mestilah mampu memberi manfaat kepada kehidupan para pengguna bukan hanya dari dimensi kehidupan duniawi semata-mata, malah juga kepada kehidupan ukhrawi. Ini bermakna, produk yang dihasilkan itu dapat mempertingkatkan mutu potensi-potensi yang wujud dalam diri manusia iaitu spiritual, fizikal, emosi dan intelek. Yusuf al-Qardawi menegaskan bahawa Islam melarang sama sekali penghasilan produk yang boleh membawa kemudaratan kepada masyarakat sama ada terhadap akidah, akhlak, harta benda mahupun peradaban. Justeru, pembuatan Islam sangat mendorong para pengusaha agar sentiasa memberi tumpuan yang serius terhadap kualiti produk yang dihasilkan. Pengeluar harus menyedari bahawa, produk berkenaan bukan sahaja dinilai oleh masyarakat, akan tetapi ia turut dinilai oleh Allah s.w.t.. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: “Maka pada hari ini dihalalkan bagi kamu semua tayyibat” (Surah al-Maidah: 5). Menurut al-Shawkani (1983), al-tayyibat dalam ayat ini bermaksud bahan-bahan makanan yang enak dan baik untuk dimakan. Al-Sabuni (1971) menjelaskan bahawa tayyibat ialah makanan-makanan yang baik daripada rezki yang halal dan semua yang dihalalkan oleh Allah s.w.t. adalah tayyibat.

“Yang halal itu sudah jelas dan yang haram pun sudah jelas; dan di antara keduanya ada hal-hal yang musytabihat (syubhat, samar-samar, tidak jelas halal haramnya), kebanyakan manusia tidak mengetahui hukumnya. Barangsiapa hati-hati dari perkara syubhat, sungguh ia telah menyelamatkan agama dan harga dirinya” (Sunnah.com, al-Tirmidhi: no. 1205).

- c. Rumusan Definisi Pembuatan Islam


Daripada analisis induktif dan komparatif terhadap kandungan al-Quran, hadith dan penulisan para sarjana muslim serta prinsip-prinsip pembuatan Islam yang merangkumi sembilan komponen iaitu pemilik, pemodal, pekerja, premis, peralatan, perbahanan, proses kerja, pendokumentasian dan produk. Maka kajian ini merumuskan bahawa pembuatan Islam ialah “satu proses yang bersepadu dan seimbang dalam mentransformasikan sumber bahan yang menepati kepatuhan syariah (syariah compliance), taharah dan barakah ke arah penghapusan shubhah demi kesejahteraan ummah di dunia dan akhirat.”

## KESIMPULAN

Sektor pembuatan merupakan satu bidang yang amat signifikan dengan produktiviti negara malah ia dikira sebagai faktor pelonjakan daya pembangunan sesebuah negara. Memandangkan Islam adalah satu al-din (cara hidup), maka adalah amat wajar masyarakat Islam mempunyai sistem pembuatannya yang khusus yang menepati prinsip-prinsip Islam itu sendiri. Ia perlu dilaksanakan dengan berteraskan falsafah, prinsip dan amalan pembuatan Islam yang di rumus berdasarkan al-Quran, hadith dan pandangan para sarjana Muslim. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahawa falsafah, prinsip dan amalan pembuatan konvensional telah banyak berjasa terhadap sektor pembuatan dunia. Namun, umat Islam perlu mempraktikkan satu sistem pembuatan mereka yang tersendiri kerana mereka mempunyai cara hidup yang telah ditetapkan oleh Islam demi memelihara kejayaan di dunia dan di akhirat.

Hasil kajian ini telah merumuskan bahawa terdapat empat asas pembuatan Islam yang perlu difahami dan dihayati oleh umat Islam terutamanya mereka yang berkecimpung dalam sektor pembuatan. Asas-asas tersebut ialah tauhid, manusia sebagai khalifah (pentadbir), akhlak dan memperoleh hasil yang optimum lagi berkualiti. Kajian ini turut menyenaraikan sembilan prinsip pembuatan Islam bermula daripada tindakan awal sehinggalah kepada penghantaran produk yang melibatkan pemilik, permodalan, pekerja, premis, peralatan, bahan, proses kerja, pendokumentasian dan produk. Satu definisi pembuatan Islam berjaya digubal oleh kajian ini yang ditampilkan sebagai satu proses yang bersepadu dan seimbang dalam mentransformasikan sumber bahan yang menepati kepatuhan syariah (shariah compliance), taharah dan barakah ke arah penghapusan shubhah demi kesejahteraan ummah di dunia dan akhirat.

Kajian lanjutan tentang konsep pembuatan Islam yang dapat memperjelaskan lagi asas, prinsip dan definisi pembuatan Islam perlu diusahakan oleh para sarjana Muslim supaya pencapaian umat Islam dalam sektor pembuatan benar-benar membawa kepada peningkatan produktiviti dan pembangunan negara yang menepati kepatuhan syariah, taharah dan barakah. Inilah peluang yang perlu diterokai dengan serius oleh para sarjana Muslim pada hari ini lebih-lebih lagi sektor pembuatan melibatkan banyak bidang seperti makanan, agrikultur, farmasi, kesihatan, kosmetik, pakaian, automotif dan lain-lain lagi.



Rajah 1: Rangka Model Pembuatan Islam

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Universiti Sultan Zainal Abidin dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas sokongan berterusan serta bantuan kewangan penyelidikan bagi menjayakan penyelidikan ini. Kajian ini dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/2/2014/TK01/UNISZA/02/1).

## RUJUKAN

al-Quran al-Karim

<http://sunnah.com>

- Abdullah, N. F. (2014). Konsep Pelancongan Islam: Satu Pengamatan. pp 1-9. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Islam. Tanjung Malim: Politeknik Tanjung Malim.
- Abdurrahman. (1995). *Islam Transformatif*. Kuala Lumpur: Pustaka Firdaus.
- Abidin, D. Z. (2003). *Empayar Minda Muslim: Modul Tarbiah Asas Alat Ketiga*. Pahang: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Yakob. (2014). Khalifah: Kita Pilihan Allah. Kota Bharu: Ultimate Print Sdn.Bhd.
- Alias Azhar, Harlida Abdul Wahab, Nurretina Ahmad Shariff dan Muhammad Hafiz Badarulzaman (2013). Produk Makanan Halal: Perspektif Hukum dan Undang-Undang. Dlm Nurdeng Deuraseh, Russly Abdul Rahman Shuhaimi Mustafa, Jamilah Bakar & Dzulkifly Mat Hashim (pnyt.), Halal Product Research Institute & Department of Government and Civilization Studies, 12-29. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Azlina Abdullah. (2010). Tema dan Isu Penyelidikan Mengenai Gejala Sosial pada Dekad Pertama Abad 21 di Malaysia. *Akademika*, 78: 3–14.
- Bahagian Hub Halal. (2014). Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2014 (Semakan Ketiga). Pekeliling Pensijilan Halal Malaysia Bilangan 2 Tahun 2014.
- Bakar, O. (2009). Cultural Pluralism in a Globalised World: Challenges to Peaceful Coexistence. *Pluto Journals* (December): 12–13.
- Buang, A. H., & Mahmod, Z. (2012). The Issues and Challenges of Halal Certification Bodies in Malaysia. *Shariah Journal*, 20 (3): 271–288.
- Dahlan, A. A. (1999). Proses Pemakanan Islam Harus mengikut Syariah. *Mastika*, 39–41.
- Farah Mohd Shahwahid, Norazla Abdul Wahab, Syaripah Nazirah Syed Ager, Marliana Abdullah, Nor Adha Abdul Hamid, Wawarah Saidpuhin, Surianom Miskam & Norziah Othman. (2015). Peranan Agensi Kerajaan dalam Mengurus Industri Halal di Malaysia: Isu dan Cabaran yang Dihadapi. pp. 224–239. World Academic and Research Congress 2015 Proceeding.
- Fuadi. (2015). Metode Historis: Suatu Kajian Filsafat Materialisme Karl Marx, *Substantia*, 17: 219– 230.
- Gerhard Plenert, P. (2012). Strategic Continuous Process Improvement: Which Quality Tools to Use and When to Use Them. New York: McGraw-Hill Professional.
- Greg Brue. (2006). McGraw-Hill 36 Hour Course: Six Sigma. Growing Beyond Six Sigma. New York: McGraw-Hill Professional.
- Groover, M. P. (2009). Automation, Production Systems, and Computer-Integrated Manufacturing. USA: Prentice Hall Press Upper Saddle River.

- Hasan al-Banna Mohamed, Ab Mumin Ab Ghani & Siti Arni Basir. (2013). 'The Guidance of Moral Value towards the Consolidation of the Quality Management System according to the Islamic Perspective', *International Journal of Business and Sosial Science*, 4 (4): 254-263.
- Hassan, M. A. (1992). *The Tawhid Approach in Management and Public Administration*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Hussin, S. (2014). Ucaptama: Cabaran Menyeluruh Dalam Pelaksanaan Transformasi Pendidikan Untuk Masa Depan Malaysia, pp. 9-10. Prosiding Seminar Transformasi Pendidikan Nasional.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2011). *JAKIM to Develop Malaysia Halal Institute Laboratory*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kahf, M. (2003). *Islamic Economics: Notes on Definition and Methodology*. *Review of Islamic Economics*, (13): 23–47.
- Katsundo, H. (1996). *Manufacturing Systems Engineering: A Unified Approach to Manufacturing Technology, Production Management, and Industrial Economics*. (2nd Edition). London: British Library in Cataloguing in Publication Data.
- Khan, A. (1994). *Islamic Economics, Nature and Needs*. *Journal for Research in Islamic Economics*, Vol. 1(2): 55–61.
- Manan, M. A. (1987). *Islamic Economics: Theory and Practice*. London: Hodder and Stoughton.
- al-Misri, R. Y. (1993). *Usul al-Iqtisad al-Islami*. Beirut: Dar al-Shamiyyah.
- Mohamad, M. H. (2016). *Rasuah Penghalang Kemajuan Negara*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohd Adnan, S. D. (2013). *Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi*, pp. 7–9. Prosiding PERKEM VIII.
- Mohd Azani Ghazali & Abdul Aziz Hassan @ Yahya. (2017). *Kamus Poket Arab*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). *Menangani Cabaran Umat Islam Era Moden*. *Jurnal Al-Tamaddun*, 6: 107–121.
- Jaafar, M., & Salleh, H. M. (2016). *Soil Erosion and Sediment Problems in the Alur Ilmu*, *Malaysian Journal of Soccity and Space*, 13(13): 145–156.
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2013). *Ketirisan Amanah: Kompilasi Kes-kes Tatatertib Pengurusan Kewangan*. Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Mahmod, Z. (2011). *Pelaksanaan Pemantauan dan Penguatkuasaan Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Kajian Terhadap Penyalahgunaan Logo Halal*. Universiti Malaya.
- Mansor, S. F. B. (2016). *Ciri-Ciri Hotel Patuh Syariah Terhadap Masa Depan Pelancongan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur*. Prosiding Kolokium Jejak Warisan Ilmu Islam.
- Mokhtar, Z. Z. M. (2006). *Kecekapan Teknikal Di Sektor Pembuatan di Malaysia: Kajian Kes bagi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Commercialization (IRDC)*. University Technology.
- Muammar, K. (2009). *Faktor Kegemilangan Tamadun Islam*: *Jurnal Hadhari*, Bil. 2: 15–31.
- Muhammad Abu Zahrah. (2003). *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabiyy.
- Muhammad, M. Z. (2012). *Penilaian Semula Terhadap Andaian-Andaian Dalam Ekonomi*

- Islam: Satu Kajian Awal, pp.1–18. Kertas Kerja dibentangkan di Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam V (WAPI-5).
- Muhammadul Bakir Yaakub & Khatijah Othman. 2009. Pengurusan Islam Pemangkin Ekonomi Ummat, pp. 43-50. Kongres Ekonomi Islam ke-3. Kuala Lumpur: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.
- Musa, H. (2004). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nordin, S. (1992). *Sains Falsafah dan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- O'Connor D. (1985). *A Critical History of Western Philosophy*. London: The Free Press of Glencoe.
- Oxford, F. (2006). *Kamus Fajar Oxford Dwibahasa*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
- al-Qardawi, Yusuf. (1980). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Rahman, Z. A. (2008). *Riba dalam Bentuk Semasa di Bank Konvensional (Edition 2)*. Kuala Lumpur: True Wealth Sdn. Bhd.
- al-Razi. (1995). *Tafsir Al-Fakh Al-Razi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Rohani Abdul Rahim. (2008). Fenomena Gangguan Seksual Terhadap Pekerja Wanita dalam Organisasi: Suatu Implikasi dalam Perundangan Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 12: 144–174.
- Rosly, S. A. (1986). "Penggunaan" Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam. Universiti Islam Antarabangsa. Petaling Jaya: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- al-Sabuni, M. A. (1971). *Tafsir ayat al-Ahkam*. Makkah al-Mukarramah: Dar al-Sabuni.
- Said Hawwa. 1989. *Al-Asas fi al-Tafsir*. Jil. 1. Kaherah: Dar al-Salam.
- Shaharom TM Sulaiaman. (1997). *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- al-Shawkani, M. I. A. (1983). *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Stoner A.F., Freeman R.E, & G. D.. (1995). *Management (6th ed.)*. New Jersey: Prentice Hall.
- Wilson, L. (2010). *How to Implement Lean Manufacturing?* London: McGraw-Hill Profesional.
- Zanariah, S., Yusoff, H., Adzharuddin, N. A., & Bolong, J. (2014). Faktor Pencetus Perilaku Pencarian Maklumat Produk Halal dalam Kalangan Keluarga Islam. *Global Media Journal*, 4 (1): 69–82.